



NEGERI SELANGOR

# Warta Kerajaan

DITERBITKAN DENGAN KUASA

*GOVERNMENT OF SELANGOR GAZETTE*

*PUBLISHED BY AUTHORITY*

---

Jil. 62  
No. 12

**4hb Jun 2009**

*TAMBAHAN No. 7  
PERUNDANGAN*

---

**Sel. P.U. 14.**

ENAKMEN PENTADBIRAN AGAMA ISLAM  
(NEGERI SELANGOR) 2003

PERATURAN-PERATURAN PENDAFTARAN, PENJAGAAN DAN  
PENGAJARAN BAGI MUALAF (NEGERI SELANGOR) 2009

---

## SUSUNAN PERATURAN

---

### BAHAGIAN I

#### PERMULAAN

Peraturan

1. Nama
2. Tafsiran

### BAHAGIAN II

#### JAWATANKUASA HAL EHWAL MUALAF

3. Penubuhan Jawatankuasa
4. Keanggotaan Jawatankuasa

Peraturan

5. Tempoh jawatan
6. Pengosongan keanggotaan
7. Pembatalan pelantikan dan peletakan jawatan
8. Pelantikan anggota gantian
9. Fungsi Jawatankuasa
10. Mesyuarat
11. Kuorum
12. Notis
13. Kehadiran wakil
14. Kehadiran bukan anggota dalam mesyuarat
15. Minit
16. Elaun

**BAHAGIAN III**

**TATACARA MEMELUK AGAMA ISLAM**

17. Penerangan memeluk agama Islam
18. Majlis pengislaman
19. Kelayakan saksi
20. Pengisytiharan dan pendaftaran memeluk agama Islam
21. Pendaftaran kanak-kanak sebagai mualaf

**BAHAGIAN IV**

**PENDAFTARAN MUALAF**

22. Daftar Mualaf
23. Perakuan Memeluk Agama Islam
24. Permohonan pindaan butiran

**BAHAGIAN V**

**PENJAGAAN MUALAF**

25. Bantuan
26. Perlindungan

---

**BAHAGIAN VI****PENGAJARAN BAGI MUALAF**

Peraturan

- 27. Bimbingan
- 28. Pusat Bimbingan
- 29. Tenaga pengajar

**BAHAGIAN VII****PELBAGAI**

- 30. Peruntukan kewangan
- 31. Permohonan pendaftaran sukarela
- 32. Penukaran nama dalam kad pengenalan
- 33. Status agama
- 34. Arahan oleh Majlis kepada Pendaftar Mualaf

JADUAL

**ENAKMEN PENTADBIRAN AGAMA ISLAM  
(NEGERI SELANGOR) 2003**

**PERATURAN-PERATURAN PENDAFTARAN, PENJAGAAN DAN PENGAJARAN BAGI  
MUALAF (NEGERI SELANGOR) 2009**

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh perenggan 122(2)(i), Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Selangor) 2003 [*Enakmen No. 1/2003*], Majlis Agama Islam Selangor dengan kelulusan Duli Yang Maha Mulia Sultan, membuat peraturan-peraturan yang berikut:

**BAHAGIAN I**

**PERMULAAN**

**Nama**

1. Peraturan-Peraturan ini bolehlah dinamakan **Peraturan-Peraturan Pendaftaran, Penjagaan dan Pengajaran bagi Mualaf (Negeri Selangor) 2009**.

**Tafsiran**

2. Dalam Peraturan-Peraturan ini, melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain—

“Daftar Mualaf” ertinya suatu rekod yang mengandungi butir-butir orang yang telah memeluk agama Islam sebagaimana yang diperuntukkan di bawah peraturan 22;

“Enakmen” ertinya Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Selangor) 2003;

“Jabatan” ertinya Bahagian Pembangunan Insan Majlis atau nama-nama lain yang membawa maksud suatu bahagian yang diberi kuasa oleh Majlis untuk menguruskan hal ehwal mualaf;

“Jawatankuasa” ertinya Jawatankuasa Hal Ehwal Mualaf yang ditubuhkan di bawah peraturan 3;

“kanak-kanak” ertinya kanak-kanak di bawah jagaan ibu atau bapa atau penjaga yang belum mencapai umur lapan belas tahun;

“Majlis” ertinya Majlis Agama Islam Selangor yang ditubuhkan di bawah subseksyen 4(1) Enakmen;

“mualaf” ertinya seseorang yang baru memeluk agama Islam sebagaimana yang ditafsirkan di bawah seksyen 2 Enakmen;

“pegawai” ertinya mana-mana pegawai yang bertanggungjawab di Jabatan yang menguruskan hal ehwal mualaf termasuklah Penolong Pegawai dan Pembantu Pegawai;

“Pendaftar Mualaf” ertinya seseorang yang dilantik oleh Majlis di bawah seksyen 110 Enakmen;

“Perakuan Memeluk Agama Islam” ertinya suatu perakuan yang diberi oleh Pendaftar Mualaf kepada tiap-tiap orang yang telah memeluk agama Islam menurut subseksyen 112(1) Enakmen.

## BAHAGIAN II

### JAWATANKUASA HAL EHWAL MUALAF

#### **Penubuhan Jawatankuasa**

3. Majlis hendaklah menubuhkan suatu jawatankuasa yang dinamakan sebagai Jawatankuasa Hal Ehwal Mualaf yang menguruskan apa-apa perkara yang berhubungan dengan hal ehwal mualaf.

#### **Keanggotaan Jawatankuasa**

4. (1) Jawatankuasa Hal Ehwal Mualaf hendaklah terdiri daripada anggota yang berikut:

- (a) seorang anggota Majlis yang dilantik oleh Majlis sebagai Pengerusi;
- (b) seorang Timbalan Pengerusi;
- (c) empat orang anggota atas nama jawatan yang hendaklah terdiri daripada orang yang pada masa itu memegang jawatan yang berikut:
  - (i) Mufti;
  - (ii) Penasihat Undang-Undang Negeri;
  - (iii) Ketua Polis Negeri;
  - (iv) Penasihat Undang-Undang Majlis; dan
- (d) tidak kurang daripada lima orang yang layak dan sesuai, yang dilantik oleh Majlis.

(2) Pendaftar Mualaf hendaklah menjadi Setiausaha.

(3) Setiausaha hendaklah menghadiri semua mesyuarat Jawatankuasa dan mengambil bahagian dalam pertimbangtelitiannya, tetapi tidak boleh mengundi.

(4) Jika pada bila-bila masa orang yang memegang jawatan yang disebut dalam subperenggan (1)(c)(ii) dan (iii) bukan orang Islam, Majlis hendaklah melantik seorang pegawai lain daripada jabatannya yang beragama Islam yang paling kanan selepasnya.

**Tempoh jawatan**

5. (1) Anggota Jawatankuasa yang dilantik di bawah subperaturan 4(1) hendaklah memegang jawatan selama suatu tempoh tidak melebihi tiga tahun dan adalah layak untuk dilantik semula.
- (2) Pelantikan semula anggota yang dilantik hendaklah dibuat dalam tempoh tiga bulan sebelum tamat tempoh pelantikannya.

**Pengosongan keanggotaan**

6. Keanggotaan seseorang ahli Jawatankuasa hendaklah menjadi kosong—
- (a) jika dia meninggal dunia;
  - (b) jika peletakan jawatannya melalui notis secara bertulis yang dikemukakan kepada Majlis di bawah subperaturan 7(2) diterima;
  - (c) apabila tamat tempoh jawatannya; atau
  - (d) jika dia tidak berada di Malaysia selama tempoh melebihi tiga bulan, tanpa kebenaran bertulis daripada Pengerusi.

**Pembatalan pelantikan dan peletakan jawatan**

7. (1) Majlis boleh membatalkan pelantikan mana-mana anggota Jawatankuasa jika—
- (a) dia telah disabitkan dengan apa-apa kesalahan jenayah di mana-mana mahkamah;
  - (b) kelakuannya, sama ada berkaitan dengan kewajipannya sebagai anggota Jawatankuasa atau selainnya, adalah kelakuan yang memburukkan nama Majlis atau Jawatankuasa;
  - (c) dia diisyiharkan bankrap;
  - (d) dia tidak berupaya menjalankan tugasnya dengan sempurna sebagai anggota Jawatankuasa;
  - (e) dia tidak menghadiri mesyuarat tiga kali berturut-turut tanpa alasan yang munasabah; atau
  - (f) Majlis, atas apa-apa alasan lain, mendapati bahawa dia tidak lagi sesuai atau layak menjadi anggota Jawatankuasa.

(2) Seseorang anggota Jawatankuasa yang dilantik di bawah perenggan 4(1)(d), boleh, pada bila-bila masa, meletakkan jawatannya dengan memberikan satu bulan notis secara bertulis kepada Majlis.

**Pelantikan anggota gantian**

8. (1) Majlis boleh melantik mana-mana orang untuk mengisi kekosongan mana-mana anggota yang pelantikannya tamat di bawah peraturan 6 atau 7.

---

(2) Seseorang yang dilantik di bawah subperaturan (1) hendaklah memegang jawatannya hanya selama baki tempoh jawatan anggota yang digantinya.

### **Fungsi Jawatankuasa**

9. Fungsi Jawatankuasa adalah seperti berikut:

- (a) menasihati Majlis dalam apa-apa perkara yang berkaitan dengan pendaftaran, penjagaan dan pengajaran bagi mualaf;
- (b) memantau pelaksanaan pendaftaran, penjagaan dan pengajaran mualaf;
- (c) menyemak dan memperakukan laporan tahunan berkaitan dengan hal ehwal mualaf yang disediakan oleh Jabatan sebelum dikemukakan kepada Majlis;
- (d) memantau pelaksanaan apa-apa aktiviti berkaitan dengan hal ehwal mualaf;
- (e) merancang dan mencadangkan kepada Majlis apa-apa perkara lain yang perlu berkaitan dengan hal ehwal mualaf; dan
- (f) menerima dan melaksanakan apa-apa arahan yang diberikan oleh Majlis dari semasa ke semasa.

### **Mesyuarat**

10. (1) Semua mesyuarat Jawatankuasa hendaklah dipanggil oleh Setiausaha atas arahan Pengerusi.

(2) Pengerusi hendaklah mempengerusikan semua mesyuarat Jawatankuasa.

(3) Jika Pengerusi tidak hadir dalam sesuatu mesyuarat, Timbalan Pengerusi hendaklah mempengerusikan mesyuarat itu.

(4) Jawatankuasa hendaklah bermesyuarat sekurang-kurangnya sekali dalam masa tiga bulan.

(5) Walau apa pun yang diperuntukkan di bawah subperaturan (4), Pengerusi boleh, pada bila-bila masa mengarahkan Setiausaha memanggil mesyuarat, jika perlu.

(6) Semua keputusan mesyuarat Jawatankuasa hendaklah dibuat secara persetujuan atau melalui ketetapan majoriti anggota yang hadir dan berhak mengundi dan jika terdapat persamaan undi, Pengerusi hendaklah mempunyai undi pemutus.

### **Kuorum**

11. Lima orang anggota Jawatankuasa, termasuklah Pengerusi hendaklah membentuk kuorum mesyuarat.

**Notis**

12. Notis bertulis sekurang-kurangnya tujuh hari hendaklah diberikan mengenai mana-mana mesyuarat, tetapi Pengerusi boleh, jika dia berpendapat bahawa ada keperluan mendesak untuk memanggil suatu mesyuarat dengan notis yang lebih singkat, mengarahkan supaya kehendak notis tujuh hari itu diketepikan.

**Kehadiran wakil**

13. Jika seseorang anggota atas nama jawatan di bawah perenggan 4(1)(c) tidak dapat menghadiri sesuatu mesyuarat, anggota itu hendaklah diwakili oleh wakil tetap yang merupakan pegawai beragama Islam yang paling kanan di jabatan atau bahagian yang sama dengannya dalam mesyuarat itu dan berhak mengundi.

**Kehadiran bukan anggota dalam mesyuarat**

14. (1) Pengerusi boleh menjemput mana-mana orang lain untuk menghadiri mana-mana mesyuarat dan mengambil bahagian dalam pertimbangtelitian Jawatankuasa bagi maksud menasihatinya tentang apa-apa perkara yang sedang dibincangkan.

(2) Mana-mana orang yang hadir sedemikian di bawah subperaturan (1) tidak berhak untuk mengundi dalam mesyuarat atau pertimbangtelitian itu.

**Minit**

15. (1) Setiausaha Jawatankuasa hendaklah menyebabkan minit bagi semua mesyuarat disenggarakan dan disimpan dalam bentuk yang sepatutnya dan pada tiap-tiap kali mesyuarat, minit mesyuarat yang sebelumnya hendaklah dibaca dan disahkan tertakluk kepada pindaan, jika ada.

(2) Minit bagi semua mesyuarat hendaklah disahkan dan ditandatangani oleh Pengerusi.

(3) Satu salinan minit mesyuarat hendaklah dikemukakan kepada Setiausaha Majlis.

**Elaun**

16. Tiap-tiap anggota Jawatankuasa termasuk Setiausaha atau mana-mana orang lain boleh dibayar apa-apa elaun sebagaimana yang ditentukan oleh Majlis.

**BAHAGIAN III****TATACARA MEMELUK AGAMA ISLAM****Penerangan memeluk agama Islam**

17. Mana-mana orang yang menguruskan pengislaman seseorang, hendaklah bertanggungjawab untuk memberi penerangan mengenai pengertian dua kalimah syahadah, tugas, kewajipan sebagai seorang Islam, kesan pengislaman dan tanggungjawab terhadap keluarga yang bukan Islam.

**Majlis pengislaman**

18. (1) Tertakluk kepada peraturan 17, seseorang yang ingin memeluk agama Islam hendaklah mengucap dua kalimah syahadah di hadapan Pendaftar Mualaf atau mana-mana pegawai atau mana-mana orang yang menguruskan pengislaman seseorang dengan disaksikan oleh dua orang saksi.

(2) Bagi seseorang yang tidak dapat bercakap boleh, bagi memenuhi kehendak peraturan 17, mendapat bantuan Juru Bahasa Isyarat yang membantu Pendaftar Mualaf atau mana-mana pegawai atau mana-mana orang yang menguruskan pengislaman seseorang memahami bahasa isyarat yang digunakan.

**Kelayakan saksi**

19. Seseorang yang menjadi saksi dalam majlis pengislaman di bawah peraturan 18 hendaklah—

- (a) beragama Islam;
- (b) mempunyai akal yang waras; dan
- (c) berumur tidak kurang daripada lapan belas tahun.

**Pengisytiharan dan pendaftaran memeluk agama Islam**

20. (1) Seseorang yang telah memeluk agama Islam atau orang yang menguruskan pengislaman mana-mana orang hendaklah mengisi Borang A.

(2) Tertakluk kepada subperaturan (1), Pendaftar Mualaf bertanggungjawab untuk mendaftarkan pengislaman seseorang dalam Daftar Mualaf.

**Pendaftaran kanak-kanak sebagai mualaf**

21. (1) Mana-mana ibu atau bapa atau penjaga yang memeluk agama Islam dan mempunyai kanak-kanak dalam jagaannya, boleh membuat permohonan untuk mendaftarkan kanak-kanak itu sebagai seorang mualaf dengan menggunakan Borang A.

(2) Kanak-kanak yang mana ibu atau bapa atau penjaganya bukan beragama Islam hendaklah, setelah mendapat keizinan ibu atau bapa atau penjaganya, membuat permohonan memeluk agama Islam dengan menggunakan Borang B.

(3) Tiap-tiap permohonan pendaftaran di bawah subperaturan (1) dan (2) hendaklah tertakluk kepada peraturan 18, 19, 20, 22 dan 23 kecuali atas sebab yang difikirkan munasabah oleh Pendaftar Mualaf.

#### **BAHAGIAN IV**

##### **PENDAFTARAN MUALAF**

###### **Daftar Mualaf**

22. Suatu Daftar Mualaf hendaklah mengandungi butir-butir mualaf yang berikut:

- (a) bilangan daftar;
- (b) tarikh daftar;
- (c) nama asal;
- (d) nama baru (jika ada);
- (e) agama atau kepercayaan asal;
- (f) bangsa;
- (g) nombor kad pengenalan, nombor tentera atau nombor polis atau pasport;
- (h) alamat surat menyurat;
- (i) alamat tetap;
- (j) tarikh memeluk agama Islam;
- (k) status perkahwinan;
- (l) orang yang mengislamkan;
- (m) butir-butir saksi;
- (n) nama dan tandatangan Pendaftar Mualaf pada setiap pendaftaran; dan
- (o) apa-apa butiran lain yang difikirkan perlu oleh Pendaftar Mualaf untuk direkodkan.

###### **Perakuan Memeluk Agama Islam**

23. (1) Mana-mana orang yang telah didaftarkan sebagai seorang mualaf di bawah peraturan 20 hendaklah diberi suatu Perakuan Memeluk Agama Islam seperti yang ditetapkan dalam Borang C.

(2) Seseorang mualaf yang kehilangan Perakuan Memeluk Agama Islam bolehlah mendapatkan satu salinan Perakuan Memeluk Agama Islam dengan membuat permohonan menggunakan Borang D.

(3) Pendaftar Mualaf boleh, jika berpuas hati, mengeluarkan satu salinan Perakuan Memeluk Agama Islam kepada pemohon.

### **Permohonan pindaan butiran**

24. (1) Seseorang mualaf boleh memohon untuk meminda atau membetulkan apa-apa butiran berkenaan dengan dirinya dalam Perakuan Memeluk Agama Islam dengan menggunakan Borang E dan mengemukakannya kepada Pendaftar Mualaf.

(2) Pendaftar Mualaf boleh, jika berpuas hati, membuat pindaan atau pembetulan ke atas butiran dalam Daftar Mualaf dan mengeluarkan suatu Perakuan Memeluk Agama Islam dengan butiran yang baru.

## BAHAGIAN V

### PENJAGAAN MUALAF

#### **Bantuan**

25. (1) Seseorang mualaf yang didaftarkan adalah layak untuk menerima bantuan dalam bentuk yang ditetapkan oleh Majlis seperti yang berikut:

- (a) pengislaman;
- (b) berkhatan;
- (c) kelengkapan ibadah; dan
- (d) urusan pengkebumian jenazah.

(2) Walau apa pun subperaturan (1), seseorang mualaf boleh memohon untuk mendapatkan bantuan yang ditetapkan oleh Majlis seperti berikut:

- (a) bantuan bagi apa-apa pendidikan atau pengajian yang difikirkan perlu oleh Majlis, termasuklah pengajian Islam, akademik dan kemahiran;
- (b) bantuan tempat tinggal;
- (c) bantuan perubatan;
- (d) bantuan perkahwinan; dan
- (e) bantuan khidmat guaman.

(3) Majlis boleh, menurut budi bicaranya, memberikan apa-apa bantuan lain yang difikirkan perlu.

(4) Majlis boleh menetapkan apa-apa syarat kepada mualaf untuk melaksanakan apa-apa kewajipannya di bawah peruntukan ini.

### **Perlindungan**

26. Majlis bolehlah menyediakan apa-apa bentuk perlindungan yang difikirkan perlu kepada mualaf.

## **BAHAGIAN VI**

### **PENGAJARAN BAGI MUALAF**

### **Bimbingan**

27. (1) Majlis hendaklah mengadakan apa-apa bentuk bimbingan yang sesuai untuk memberi pengetahuan dan meningkatkan kefahaman Islam kepada mualaf.

(2) Walau apa pun subperaturan (1), seseorang mualaf yang telah didaftarkan di bawah peraturan 20, hendaklah menghadiri kursus bimbingan asas yang ditetapkan oleh Majlis.

(3) Pendaftar Mualaf boleh, jika difikirkan perlu dan munasabah, mengecualikan mana-mana mualaf daripada menghadiri mana-mana kursus yang dinyatakan di bawah subperaturan (2).

(4) Majlis boleh, selepas siasatan yang wajar, menghentikan bantuan yang telah diberikan kepada mana-mana mualaf yang gagal menghadiri kursus yang diadakan tanpa sebab yang munasabah.

### **Pusat Bimbingan**

28. Majlis hendaklah menyediakan apa-apa pusat bimbingan bagi tujuan pengajaran dan pemantapan akidah mualaf.

### **Tenaga pengajar**

29. Tertakluk kepada mana-mana undang-undang bertulis dan atas nasihat Jawatankuasa, Majlis boleh melantik mana-mana orang yang berkelayakan untuk menjadi tenaga pengajar bagi tujuan peraturan 27 dan 28.

## **BAHAGIAN VII**

### **PELBAGAI**

### **Peruntukan kewangan**

30. Majlis hendaklah memperuntukkan sejumlah wang bagi melaksanakan tanggungjawab dan aktiviti di bawah Bahagian V dan VI Peraturan-Peraturan ini.

### **Permohonan pendaftaran sukarela**

31. Mana-mana orang yang telah memeluk agama Islam dan belum mendaftarkan dirinya sebagai mualaf, boleh memohon pada bila-bila masa kepada Pendaftar Mualaf untuk mendaftarkan pengislamannya mengikut Peraturan-peraturan ini.

### **Penukaran nama dalam kad pengenalan**

32. (1) Seseorang mualaf warganegara Malaysia yang telah didaftarkan di bawah seksyen 111 Enakmen, bolehlah membuat permohonan penukaran nama dalam kad pengenalan kepada Jabatan Pendaftaran Negara.

(2) Walau apa pun, Pendaftar Mualaf bolehlah mengikut budibicaranya menghendaki mana-mana mualaf menukar nama asalnya kepada nama yang sesuai menurut pandangan hukum syarak.

### **Status agama**

33. Seseorang mualaf warganegara Malaysia yang telah didaftarkan di bawah peraturan 20, hendaklah membuat permohonan kepada Jabatan Pendaftaran Negara untuk memasukkan status agama Islam dalam kad pengenalannya.

### **Arahan oleh Majlis kepada Pendaftar Mualaf**

34. Majlis boleh dari semasa ke semasa memberi arahan kepada Pendaftar Mualaf tentang apa-apa perkara yang berkaitan dengan hal ehwal mualaf.

#### **JADUAL**

#### **BORANG A**

[Subperaturan 20(1) dan 21(1)]

PERATURAN-PERATURAN PENDAFTARAN, PENJAGAAN DAN PENGAJARAN  
BAGI MUALAF (NEGERI SELANGOR) 2009



Empat  
Keping  
Gambar  
Ukuran  
Pasport

### **MAJLIS AGAMA ISLAM SELANGOR BORANG PENGISYIHARAN DAN PENDAFTARAN MEMELUK AGAMA ISLAM**

#### **A. MAKLUMAT PEMOHON**

Nama Asal: .....

No. Kad Pengenalan/Pasport: ..... Umur: .....

Tarikh Lahir: ..... Tempat Lahir: .....

Warganegara: ..... Keturunan: .....

Agama Asal: ..... Tahap Pendidikan: .....

Bahasa Pertuturan: (1) ..... (2) ..... (3) .....

Alamat Surat Menyurat: .....

.....  
 Alamat Tetap: .....

.....  
 No. Telefon (Rumah/Pejabat/Bimbit): .....

Pekerjaan: ..... Pendapatan Bulanan: RM .....

Alamat Majikan: .....

.....  
 Status Perkahwinan: .....

Nama Isteri/Suami: .....

No. K. Pengenalan/Pasport: ..... Agama: .....

#### MAKLUMAT KANAK-KANAK

Nama Asal	Nama Baru (jika ada)	No. Sijil Kelahiran/ No. Kad Pengenalan/ Pasport	Hubungan

\* Sila sertakan gambar kanak-kanak di bawah jagaan

#### B. PERISYTIHARAN/IKRAR

Bahwasanya dengan suci hati dan dengan kehendak hati sendiri, tiada kerana dipaksa atau dipujuk, hanya dengan petunjuk ALLAH adalah saya pada hari ini dan saat ini memeluk agama Islam yang sebenarnya, saya mengaku bahawa tiada Tuhan yang berhak disembah melainkan Allah dan Nabi Muhammad adalah utusan ALLAH dan saya berikrar akan berpegang teguh dan patuh kepada ajaran Islam yang sebenarnya hingga ke akhir hayat saya. Saya mengaku perkara yang tersebut di atas adalah benar dan saya sedar bahawa saya tertakluk kepada peraturan-peraturan dan undang-undang yang ditetapkan dan Hukum Syarak. Dengan itu saya memohon untuk didaftarkan pengislaman saya dalam Daftar Mualaf.

.....  
*Tandatangan  
Pegawai Yang Mengislamkan*

.....  
*Tandatangan  
Yang Memeluk Agama Islam*

Tarikh: ..... Tarikh: .....

Nama Islam:.....

Diislamkan Oleh:..... No. Kad Pengenalan: .....

C. PERMOHONAN PENDAFTARAN SEBAGAI MUALAF OLEH IBU ATAU BAPA/PENJAGA  
BAGI KANAK-KANAK

\***Kami/Saya, ibu atau bapa/penjaga** kepada kanak-kanak yang di bawah jagaan **kami/saya** sebagaimana yang tersebut di atas memohon dan bersetuju membawa kanak-kanak di bawah jagaan **kami/saya** memeluk agama Islam bersama-sama **kami/saya** serta didaftarkan sebagai beragama Islam. **Kami/Saya** turunkan cap ibu jari tangan kanan **kami/saya** di bawah ini di hadapan dua orang saksi.



(Cap Ibu Jari Kanan Ibu) ..... (Cap Ibu Jari Kanan Bapa) .....  
Tandatangan Tandatangan

TARIKH : .....

TARIKH : .....



(Cap Ibu Jari Kanan penjaga) .....  
Tandatangan Tandatangan Pemohon

TARIKH : .....

TARIKH : .....

Saksi Pertama

Saksi Kedua

Nama: .....

Nama: .....

No. Kad Pengenalan: .....

No. Kad Pengenalan: .....

Alamat: .....

Alamat: .....

Tarikh: .....

Tarikh: .....

.....  
*Tandatangan/Cap ibu jari*

.....  
*Tandatangan/Cap ibu jari*

\* Potong mana yang tidak berkenaan

Bil. Daftar:.....

Catatan Pendaftar Mualaf:

Tarikh Pengisian: .....


Ulasan: .....  
.....  
.....

.....  
*Tandatangan  
Pendaftar Mualaf*

**BORANG B**

[Subperaturan 21(2)]

PERATURAN-PERATURAN PENDAFTARAN, PENJAGAAN DAN PENGAJARAN  
BAGI MUALAF (NEGERI SELANGOR) 2009

**PERMOHONAN MEMELUK AGAMA ISLAM KANAK-KANAK****A. MAKLUMAT PEMOHON**

Nama Asal: .....

No. Kad Pengenalan/Pasport: ..... Warna: ..... Bangsa: .....

Agama Asal: ..... Umur: ..... Kewarganegaraan: .....

Tarikh Lahir: ..... Tempat Lahir: ..... Negeri: .....

Alamat Tetap: .....

.....  
Alamat Surat Menyurat: .....

.....  
Taraf perkahwinan: ..... Nama suami/isteri: .....

No. Kad Pengenalan/Pasport: .....

.....  
Alamat suami/isteri: .....

.....  
Nama \*ibu/bapa/penjaga: .....

No. Kad Pengenalan/No. Pasport: ..... Bangsa: .....

Agama: ..... Kewarganegaraan: ..... Tarikh Lahir: .....

Tempat Lahir: ..... Negeri: .....

Alamat Tetap:.....  
.....

Alamat Surat Menyurat: .....

.....

Penjaga sesudah Islam: .....

Alamat Penjaga: .....

.....

Pekerjaan Penjaga: .....

#### B. ALASAN MEMELUK AGAMA ISLAM

.....  
.....

Saya bersetuju menggunakan nama baru berikut:

.....

#### C. KEIZINAN IBU ATAU BAPA/PENJAGA

**\*Kami/Saya, ibu atau bapa/penjaga** kepada kanak-kanak yang di bawah jagaan **kami/saya** sebagaimana yang tersebut di atas mengizinkannya memeluk agama Islam. **Kami/Saya** turunkan cap ibu jari tangan kanan **kami/saya** di bawah ini di hadapan dua orang saksi.

**Kami/Saya** mengesahkan semua kenyataan yang dinyatakan di atas adalah benar dan **kami/saya** faham segala yang terkandung di dalamnya.



(Cap Ibu Jari Kanan Ibu) ..... (Cap Ibu Jari Kanan Bapa) .....  
Tandatangan Tandatangan

TARIKH : .....

TARIKH : .....



(Cap Ibu Jari Kanan penjaga) .....

Tandatangan

TARIKH: .....



(Cap Ibu Jari Kanan kanak-kanak) .....

Tandatangan

TARIKH: .....

Saksi Pertama

Saksi Kedua

Nama: .....

Nama: .....

No. Kad Pengenalan: .....

No. Kad Pengenalan: .....

Alamat: .....

Alamat: .....

Tarikh: .....

Tarikh: .....

*Tandatangan/Cap ibu jari**Tandatangan/Cap ibu jari*

\*Potong mana yang tidak berkenaan

**BORANG C**

[Subperaturan 23(1)]

PERATURAN-PERATURAN PENDAFTARAN, PENJAGAAN DAN PENGAJARAN  
BAGI MUALAF (NEGERI SELANGOR) 2009**PERAKUAN MEMELUK AGAMA ISLAM**PERAKUAN  
MEMELUK AGAMA ISLAM

Bil. Daftar:

NAMA ASAL:	
NAMA ISLAM:	
NO. K/P:	JANTINA:
TARIKH LAHIR:	BANGSA:
TARIKH MEMELUK AGAMA ISLAM:	
TARIKH PERAKUAN DIKELUARKAN:	

NO. RUJUKAN FAIL:	
ALAMAT PEMEGANG:	

PERAKUAN INI DIKELUARKAN KEPADA ORANG YANG MEMELUK AGAMA ISLAM  
DAN DIDAFTARKAN DALAM DAFTAR MUALAF NEGERI SELANGOR  
BERDASARKAN SEKSYEN 111 DAN 112 ENAKMEN PENTADBIRAN  
AGAMA ISLAM (NEGERI SELANGOR) 2003 SEBAGAI PERAKUAN  
MEMELUK AGAMA ISLAM

.....  
PENDAFTAR MUALAF  
MAJLIS AGAMA ISLAM SELANGOR

**BORANG D**

[Subperaturan 23(2)]

PERATURAN-PERATURAN PENDAFTARAN, PENJAGAAN DAN PENGAJARAN BAGI  
MUALAF (NEGERI SELANGOR) 2009

**PERMOHONAN MENDAPATKAN  
SALINAN PERAKUAN MEMELUK AGAMA ISLAM  
MAJLIS AGAMA ISLAM SELANGOR**

Gambar  
Ukuran  
Pasport

Maklumat Pemohon

Nama Asal: .....

Nama Islam: .....

No. Kad Pengenalan/Pasport: .....

Tarikh Memeluk Agama Islam: .....

Bilangan Daftar: .....

Alamat Surat Menyurat: .....

.....  
No. Telefon: .....

Sebab Permohonan:

1. Hilang

3. Rosak

2. Terbakar

4. Lain-lain (Sila nyatakan)

.....

\* Sertakan Salinan Laporan Polis

Berdasarkan maklumat di atas, saya memohon mendapatkan salinan Perakuan Memeluk Agama Islam. Saya mengakui bahawa segala maklumat di atas adalah benar.

Tarikh: .....

*Tandatangan Pemohon*

**BORANG E**

[Subperaturan 24(1)]

PERATURAN-PERATURAN PENDAFTARAN, PENJAGAAN DAN PENGAJARAN  
BAGI MUALAF (NEGERI SELANGOR) 2009

**PERMOHONAN PINDAAN BUTIRAN DIRI DALAM PERAKUAN MEMELUK  
AGAMA ISLAM**

Nama pemohon: .....

No. Kad Pengenalan/Pasport: .....

Bilangan Daftar: .....

Kewarganegaraan: .....

Alamat Surat Menyurat: .....

.....  
Butiran pindaan:

Butiran Asal	Butiran Pindaan

Alasan memohon pindaan: .....

.....  
.....  
.....

Saya mengaku bahawa maklumat yang saya berikan di dalam borang ini adalah benar.

Tarikh: .....

.....  
*Tandatangan Pemohon*

\* Sila sertakan salinan Perakuan Memeluk Agama Islam yang asal

Dibuat 27 Mei 2009

[MAIS/PM/BUU/01-2/012/1; PU. Sel. Am 198/08/TS]

DATO' SETIA HAJI MOHAMMAD ADZIB BIN MOHD ISA  
*Pengerusi*  
*Majlis Agama Islam Selangor*

---

**ADMINISTRATION OF THE RELIGION OF ISLAM  
(STATE OF SELANGOR) ENACTMENT 2003**

**REGISTRATION, CARE AND TEACHING FOR MUALAFS  
(STATE OF SELANGOR) REGULATIONS 2009**

---

**ARRANGEMENT OF REGULATIONS**

---

**PART I**

**PRELIMINARY**

Regulations

1. Citation
2. Interpretation

**PART II**

**COMMITTEE OF MUALAFS AFFAIRS**

3. Establishment of the Committee
4. Membership of the Committee
5. Period of appointment
6. Vacation of membership
7. Revocation of appointments and resignation of membership
8. Appointment of substitute member
9. Functions of the Committee
10. Meetings
11. Quorum
12. Notice
13. Presence of representative
14. Presence of non-members in meetings
15. Minutes
16. Allowance

**PART III**

**PROCEDURE FOR CONVERSION TO THE RELIGION OF ISLAM**

Regulations

17. Explanation for conversion to the religion of Islam
18. Conversion ceremony
19. Qualification of witness
20. Declaration and registration of conversion to the religion of Islam
21. Registration of child as mualaf

**PART IV**

**REGISTRATION OF MUALAFS**

22. Register of Mualafs
23. Certificate of Conversion to the Religion of Islam
24. Application to amend particulars

**PART V**

**CARE FOR MUALAFS**

25. Assistance
26. Protection

**PART VI**

**TEACHING FOR MUALAFS**

27. Guidance
28. Guidance Centre
29. Teaching staff

**PART VII**

**MISCELLANEOUS**

30. Financial allocation
31. Application for voluntary registration
32. Change of name in identity card

---

Regulations

33. Religious status

34. Directives by the Majlis to the Registrar of Mualafs

SCHEDULE

**ADMINISTRATION OF THE RELIGION OF ISLAM  
(STATE OF SELANGOR) ENACTMENT 2003**

**REGISTRATION, CARE AND TEACHING FOR MUALAFS  
(STATE OF SELANGOR) REGULATIONS 2009**

IN exercise of the powers conferred by paragraph 122(2)(i), of the Administration of the Religion of Islam (State of Selangor) Enactment 2003 [Enactment No. I/2003], the Majlis Agama Islam Selangor with the consent of His Royal Highness the Sultan makes the following regulations:

**PART I**

**PRELIMINARY**

**Citation**

1. These Regulations may be cited as the **Registration, Care and Teaching of Mualafs (State of Selangor) Regulations 2009**.

**Interpretation**

2. In these Regulations, unless the context otherwise requires—

“Register of Mualafs” means a record containing the particulars of persons who have converted to Islam as provided under regulation 22;

“Enactment” means the Administration of the Religion of Islam (State of Selangor) Enactment 2003;

“Department” means the Human Development Division of the Majlis or any other names which denote a division authorized by the Majlis to manage the affairs of mualafs;

“Committee” means the Committee of Mualafs Affairs established under regulation 3;

“child” means a child under care of his parent or guardian who has not reached the age of eighteen;

“Majlis” means the Majlis Agama Islam Selangor established under subsection 4(1) of the Enactment;

“mualaf” means a person who is newly converted to the religion of Islam as interpreted under section 2 of the Enactment;

“officer” means any officer charged with responsibility at the Department managing the affairs of mualafs including Assistant Officers;

“Registrar of Mualafs” means the person appointed by the Majlis under section 110 of the Enactment;

“Certificate of Conversion to the religion of Islam” means a certificate furnished by the Registrar of Mualafs to each person who has converted to the religion of Islam in accordance with subsection 112(1) of the Enactment.

## PART II

### COMMITTEE OF MUALAFS AFFAIRS

#### **Establishment of the Committee**

3. The Majlis shall establish a committee to be known as the Committee of Mualafs Affairs to manage matters related to the affairs of mualafs.

#### **Membership of the Committee**

4. (1) The Committee of Mualafs Affairs shall comprise the following members:

- (a) a Majlis member appointed by the Majlis as the Chairman;
- (b) a person as the Deputy Chairman;
- (c) four members who for the time being are holding the following offices:
  - (i) the Mufti;
  - (ii) the State Legal Adviser;
  - (iii) the Chief Police Officer;
  - (iv) the Majlis Legal Adviser; and
- (d) not less than five qualified and suitable persons to be appointed by the Majlis.

(2) The Registrar of Mualafs shall be the Secretary.

(3) The Secretary shall attend all Committee meetings and participate in their deliberations but shall not vote.

(4) If at any time the person holding the appointment mentioned in subparagraph (1)(c)(ii) and (iii) is not a Muslim, the Majlis shall appoint another officer who is a Muslim and next in seniority from his department.

#### **Period of appointment**

5. (1) The members of the Committee appointed under subregulation 4(1) shall hold the appointment for a period not exceeding three years and are eligible for reappointment.

(2) The reappointment of appointed members shall be made within three months prior to the expiry of their appointment period.

**Vacation of membership**

6. The membership of a Committee shall be vacated—

- (a) on his death;
- (b) if his resignation by notice in writing addressed to the Majlis under subregulation 7(2) is accepted;
- (c) upon the expiry of his period of appointment; or
- (d) if he has been absent from Malaysia for a period exceeding three months, without the written permission from the Chairman.

**Revocation of appointments and resignation of membership**

7. (1) The Majlis may revoke the appointment of any Committee member if—

- (a) he has been convicted of any criminal offence at any court;
- (b) his conduct, whether in connection with his duties as a Committee member or otherwise, has been such as to bring discredit to the Majlis or Committee;
- (c) he has been declared a bankrupt;
- (d) he has become incapable of properly carrying out his duties as a Committee member;
- (e) he has been absent for three consecutive meetings without any reasonable excuse; or
- (f) the Majlis, for any other reason, finds that he is no longer suitable or fit to be a Committee member.

(2) A Committee member appointed under paragraph 4(1)(d), may, at any time, resign his appointment by giving a one month notice in writing to the Majlis.

**Appointment of substitute member**

8. (1) The Majlis may appoint any person to fill the vacancy of any member whose appointment terminates under regulation 6 or 7.

(2) A person who is appointed under subregulation (1) shall hold his appointment for only the remaining period of the appointment of the member whom he is replacing.

### **Functions of the Committee**

9. The functions of the Committee shall be as follows:
- (a) advising the Majlis on all matters related to the registration, care and teaching for mualafs;
  - (b) monitoring the implementation of the registration, care and teaching for mualafs;
  - (c) revising and approving the annual report concerning the affairs of mualafs prepared by the Department prior to its submission to the Majlis;
  - (d) monitoring the implementation of any activities related to the affairs of mualafs;
  - (e) planning and proposing to the Majlis any other necessary matters related to the affairs of mualafs; and
  - (f) receiving and implementing any directive given by the Majlis from time to time.

### **Meetings**

10. (1) All meetings of the Committee shall be summoned by the Secretary on the directive of the Chairman.
- (2) The Chairman shall preside over all meetings of the Committee.
- (3) If the Chairman is absent from a meeting, the Deputy Chairman shall preside over the said meeting.
- (4) The Committee shall meet at least once in every three months.
- (5) Notwithstanding the provisions under subregulation (4), the Chairman may, at any time direct the Secretary to summon a meeting, if necessary.
- (6) All resolutions of the Committee meeting shall be made by consensus or the resolution of the majority of the members present and entitled to vote and if there is an equality of votes, the Chairman shall have a casting vote.

### **Quorum**

11. Five of the members of the Committee, including the Chairman, shall form a meeting quorum.

### **Notice**

12. At least seven days' notice in writing shall be given of any meeting, but the Chairman may, if he considers that there is an urgent need to summon a meeting at shorter notice, direct that the requirement of seven days' notice be dispensed with.

**Presence of representative**

13. If a member holding an appointment under paragraph 4(1)(c) is unable to attend a meeting, the said member shall be represented by a permanent representative who is the most senior Muslim officer of the same department or division in the said meeting and shall have the right to vote.

**Presence of non-members in meetings**

14. (1) The Chairman may invite any other person to attend any meeting and take part in the deliberations of the Committee for the purpose of advising it on any matter under discussion.

(2) Any person so attending under subregulation (1) shall have no right to vote at the meeting or deliberation.

**Minutes**

15. (1) The Secretary of the Committee shall cause minutes of all the meetings to be maintained and kept in a proper form and at each meeting, the minutes of the previous meeting shall be read and approved subject to amendment, if any.

(2) Minutes of all meetings shall be approved and signed by the Chairman.

(3) A copy of the minutes of meeting shall be submitted to the Secretary of the Majlis.

**Allowance**

16. Each Committee member including the Secretary or any other person may be paid such remuneration as the Majlis may determine.

**PART III****PROCEDURE FOR CONVERSION TO THE RELIGION OF ISLAM****Explanation for conversion to the religion of Islam**

17. Any person managing the conversion of another to Islam shall be responsible for giving an explanation on the meaning of the two clauses of Affirmation of Faith, duties, obligation as a Muslim, effect of conversion of Islam and responsibilities towards non-Muslim family members.

**Conversion ceremony**

18. (1) Subject to regulation 17, a person who wishes to convert to Islam shall utter the two clauses of Affirmation of Faith in the presence of the Registrar of Mualafs or any other officer or person managing the conversion of Islam and witnessed by two witnesses.

(2) A person who is incapable of speech may, for the purpose of fulfilling the requirement of regulation 17, acquire the assistance of a Sign Language Interpreter who shall assist the Registrar of Mualafs or any officer or person managing the conversion of Islam to understand the sign language used.

**Qualification of witness**

19. A person who becomes a witness in the conversion of Islam ceremony under regulation 18 shall—

- (a) be a Muslim;
- (b) be of sound mind; and
- (c) not be less than eighteen years old.

**Declaration and registration of conversion to the religion of Islam**

20. (1) A person who has converted to the religion of Islam or the person managing a conversion of any person shall fill in Form A.

(2) Subject to subregulation (1), the Registrar of Mualafs is responsible for registering such conversion in the Register of Mualafs.

**Registration of child as Mualaf**

21. (1) Any parent or guardian who converts to the religion of Islam and has under his care a child, may make an application to register the child as a mualaf by using Form A.

(2) A child whose parent or guardian is not a Muslim shall, after obtaining the permission of his parent or guardian, make an application to convert to the religion of Islam by using Form B.

(3) Each application for registration under subregulations (1) and (2) shall be subject to regulations 18, 19, 20, 22 and 23 except for reasons deemed reasonable by the Registrar of Mualafs.

## PART IV

## REGISTRATION OF MUALAFS

**Register of Mualafs**

22. A Register of Mualafs shall contain the particulars of mualafs as follows:

- (a) registration number;
- (b) date of registration;
- (c) former name;
- (d) new name (if any);
- (e) former religion or belief;
- (f) race;
- (g) identity card number, military number or police number or passport number;
- (h) correspondence address;
- (i) permanent address;
- (j) date of conversion to the religion of Islam;
- (k) marital status;
- (l) person who conducted the conversion;
- (m) particulars of witnesses;
- (n) name and signature of the Registrar of Mualafs on each registration; and
- (o) any other particulars deemed necessary by the Registrar of Mualafs to be recorded.

**Certificate of Conversion to the Religion of Islam**

23. (1) Any person who has been registered as a mualaf under regulation 20 should be furnished with a Certificate of Conversion to the Religion of Islam as specified in Form C.

(2) A mualaf who has lost his Certificate of Conversion to the Religion of Islam may obtain a copy of the Certificate of Conversion to the Religion of Islam by making an application using Form D.

(3) The Registrar of Mualafs may, if he is satisfied, issue a copy of the Certificate of Conversion to the Religion of Islam to the applicant.

### **Application to amend particulars**

24. (1) A mualaf may apply to amend or rectify any particular concerning himself in the Certificate of Conversion to the Religion of Islam by using Form E and submitting it to the Registrar of Mualafs.

(2) The Registrar of Mualafs may, if he is satisfied, make amendments or corrections to the particulars in the Register of Mualafs and issue a Certificate of Conversion to the Religion of Islam with the new particulars.

## PART V

### CARE FOR MUALAFS

#### **Assistance**

25. (1) A registered mualaf is eligible to receive assistance in the form specified by the Majlis such as the following:

- (a) conversion;
- (b) circumcision;
- (c) prayer equipment; and
- (d) funeral arrangements.

(2) Notwithstanding subregulation (1), a mualaf may apply for the assistance specified by the Majlis such as the following:

- (a) assistance for any education or learning deemed necessary by the Majlis, including Islamic, academic and skills studies;
- (b) accommodation assistance;
- (c) medical assistance;
- (d) marriage assistance; and
- (e) legal assistance.

(3) The Majlis may, at its discretion, extend any other assistance deemed necessary.

(4) The Majlis may set any condition for mualafs to carry out any of their obligations under this provision.

#### **Protection**

26. The Majlis may provide any form of protection deemed necessary to mualafs.

**PART VI****TEACHING FOR MUALAFS****Guidance**

27. (1) The Majlis shall conduct any suitable guidance to provide knowledge and enhance Islamic understanding among mualafs.

(2) Notwithstanding subregulation (1), a mualaf registered under regulation 20 shall attend the basic guidance course specified by the Majlis.

(3) The Registrar of Mualafs may, if deemed necessary and appropriate, exempt any mualaf from attending any course stated under subregulation (2).

(4) The Majlis may, after sufficient investigation, stop the assistance given to any mualaf who fails to attend the courses conducted without reasonable excuses.

**Guidance Centre**

28. The Majlis shall provide any guidance centre for the purpose of teaching and enhancing the faith of mualafs.

**Teaching staff**

29. Subject to any written law and on the advice of the Committee, the Majlis may appoint any qualified person as teaching staff for the purpose of regulations 27 and 28.

**PART VII****MISCELLANEOUS****Financial allocation**

30. The Majlis shall allocate funds to implement the responsibilities and activities under Parts V and VI of these Regulations.

**Application for voluntary registration**

31. Any person who has converted to the religion of Islam and has not registered himself as a mualaf, may apply at any time to the Registrar of Mualafs to register his conversion in accordance with these Regulations.

### **Change of name in identity card**

32. (1) A mualaf who is a Malaysian citizen and has been registered under section 111 of the Enactment may make an application to the National Registration Department for the change of name in his identity card.

(2) Notwithstanding anything, the Registrar of Mualafs may at his discretion, requires any mualaf to change his original name to a suitable name according to the hukum syarak.

### **Religious status**

33. A mualaf who is a Malaysian citizen has been registered under regulation 20 shall make an application to the National Registration Department to enter the status of Islam in his identity card.

### **Directives by the Majlis to the Registrar of Mualafs**

34. The Majlis shall, from time to time, give directives to the Registrar of Mualafs regarding any matters related to the affairs of mualafs.

### SCHEDULE

#### FORM A

[Subregulations 20(1) and 21(1)]

REGISTRATION, CARE AND TEACHING FOR MUALAFS  
(STATE OF SELANGOR) REGULATIONS 2009



Four copies  
of passport-  
size photos

### **MAJLIS AGAMA ISLAM SELANGOR DECLARATION AND REGISTRATION OF CONVERSION TO THE RELIGION OF ISLAM FORM**

#### A. PARTICULARS OF APPLICANT

Original Name: .....

Identity card/Passport No.: ..... Age: .....

Date of Birth: ..... Place of Birth: .....

Citizenship: ..... Race: .....

Former Religion: ..... Level of Education: .....

Language Spoken: (1) ..... (2) ..... (3) .....

Postal Address: .....  
.....

Permanent Address: .....

Telephone No. (Residential/Office/Mobile): .....

Occupation: ..... Monthly Salary: RM .....

Employer's Address: .....

Marital Status: .....

Name of Wife/Husband: .....

Identity Card/Passport No.: ..... Religion: .....

#### PARTICULARS OF CHILD

Original Name	New Name (if any)	Birth Certificate No./ Identity Card No./ Passport No.	Relation

\* Please enclose photo of child

#### B. DECLARATION/PLEDGE

Whereas, with a pure heart and my own free will, not by force or persuasion, and only with the guidance of ALLAH, that I, on this day and this very moment embrace to the true religion of Islam, I bear witness that there is no god worthy to be worshipped but Allah and that prophet Muhammad is messenger of Allah, and I pledge will hold firm and obey to true teaching of Islam until the end of my life. I acknowledge that the above stated details are true and I am aware that I am subject to the regulations and laws specified as well as the Hukum Syarak. Therefore, I request that my conversion be registered in the Register Of Mualafs.

.....  
*Signature  
Conversion Officer*

.....  
*Signature  
The Convert*

Date: .....

Date: .....

Muslim Name: .....

Converted by: ..... Identity Card No.: .....


#### C. APPLICATION FOR REGISTRATION AS MUALAF BY PARENT/GUARDIAN OF A CHILD

\*We/I, the **parent/guardian** of the young person under **our/my** care as stated above, request and agree that the child under **our/my** care to convert to the religion of Islam with **us/me**. We/I hereby affix **our/my** right-hand thumbprint below in the presence of two witnesses.



(Right-hand thumbprint) ..... (Right-hand thumbprint) .....  
of mother Signature of father Signature

DATE: ..... DATE: .....



(Right-hand thumbprint) .....  
of guardian Signature Signature of applicant

DATE: ..... DATE: .....

## First Witness

## Second Witness

Name: .....

Name: .....

Identity Card No.: .....

Identity Card No.: .....

Address: .....

Address: .....

Date: .....

Date: .....

*Signature/Thumbprint*

*Signature/Thumbprint*

\* Delete whichever not applicable

Registration No.: .....

**Remarks by the Registrar of Mualafs:**

Conversion Date: \_\_\_\_\_

Comment:

.....


.....

*Signature  
Registrar of Mualafs*

**FORM B**

[Subregulation 21(2)]

**REGISTRATION, CARE AND TEACHING FOR MUALAFS  
(STATE OF SELANGOR) REGULATIONS 2009**



**APPLICATION FOR THE CONVERSION OF CHILD**

**A. APPLICANT INFORMATION**

Original Name: .....

Identity Card/Passport No.: ..... Colour: ..... Race: .....

Former Religion: ..... Age: ..... Citizenship: .....

Date of Birth: ..... Place of Birth: ..... State: .....

Permanent Address: .....

Postal Address: .....

Marital Status: ..... Name of Wife/Husband: .....

Identity Card/Passport No.: .....

Address of Husband/Wife: .....

Name of \*parent/guardian: .....

Identity Card/Passport No.: ..... Race: .....

Religion: ..... Citizenship: ..... Date of Birth: .....

Place of Birth: ..... State: .....

Permanent Address: .....

Postal Address: .....

Guardian after conversion to the religion of Islam: .....

Guardian Address: .....

Occupation of Guardian: .....

**B. REASON FOR COVERSION TO THE RELIGION OF ISLAM**

.....  
.....

I agree to use the following new name:

.....

**C. PERMISSION OF PARENT/GUARDIAN**

\***We/I**, the parent/guardian of the child under **our/my** care as stated above, permit **him/her** to convert to the religion of Islam. **We/I** hereby affix **our/my** right-hand thumbprint below in the presence of two witnesses.

**We/I** hereby acknowledge that the statement made above is true and that **we/I** have fully understood its content.

1

1

(Right-hand thumbprint) ..... (Right-hand thumbprint) .....  
of mother Signature of father Signature

DATE: .....

DATE: .....

1

(Right-hand thumbprint) ..... DATE: .....

1

(Right-hand thumbprint) ..... DATE: .....  
of the young person Signature

## First Witness

## Second Witness

Name: .....

Name: .....

Identity Card No.: .....

Identity Card No.: .....

Address: .....

Address: .....

\* Delete whichever not applicable

**FORM C**

[Subregulation 23(1)]

**REGISTRATION, CARE AND TEACHING FOR MUALAFS (STATE OF SELANGOR)  
REGULATIONS 2009**

**CERTIFICATE OF CONVERSION TO THE RELIGION OF ISLAM**

**CERTIFICATE OF CONVERSION TO  
THE RELIGION OF ISLAM**



Registration No.:

ORIGINAL NAME:	
MUSLIM NAME:	
I/C NO.:	SEX:
DATE OF BIRTH:	RACE:
DATE OF CONVERSION TO THE RELIGION OF ISLAM:	
DATE OF CERTIFICATE ISSUED:	

FILE REFERENCE NO.:	
ADDRESS OF HOLDER:	

THIS CERTIFICATE IS ISSUED TO THE PERSON WHO CONVERT TO THE RELIGION OF ISLAM AND REGISTERED IN THE REGISTER OF MUALAFS OF STATE OF SELANGOR IN ACCORDANCE WITH SECTION 111 AND 112 OF THE ADMINISTRATION OF THE RELIGION OF ISLAM (STATE OF SELANGOR) ENACTMENT 2003 AS CERTIFICATE OF CONVERSION TO THE RELIGION OF ISLAM

.....  
REGISTRAR OF MUALAFS  
MAJLIS AGAMA ISLAM SELANGOR

**FORM D**

[Subregulation 23(2)]

**REGISTRATION, CARE AND TEACHING FOR MUALAFS (STATE OF SELANGOR)  
REGULATIONS 2009**

**APPLICATION TO OBTAIN A COPY OF THE CERTIFICATE OF  
CONVERSION TO THE RELIGION OF ISLAM  
MAJLIS AGAMA ISLAM SELANGOR**

Passport-size photo

**Particulars of Applicant**

Original Name: .....

Muslim Name: .....

Identity Card/Passport No.: .....

Date of Conversion to the religion of Islam: .....

Registration No.: .....

Postal Address: .....

.....

Telephone No.: .....

## Reason of Application:

1. Lost

3. Damaged

2. Burn

4. Others (Please state) .....

\* Enclose copy of police report

Based on the above information, I would like to request for a copy of the Certificate of Conversion to the religion of Islam. I hereby declare that the information given above is true.

Date: .....

.....

*Signature of Applicant*

**FORM E**

[Subregulation 24(1)]

**REGISTRATION, CARE AND TEACHING FOR MUALAFS  
(STATE OF SELANGOR) REGULATIONS 2009**

**APPLICATION TO AMEND PARTICULARS IN THE CERTIFICATE OF CONVERSION  
TO THE RELIGION OF ISLAM**

Name of Applicant: .....

Identity Card/Passport No.: .....

Registration No.: .....

Citizenship: .....

Postal Address: .....

.....  
Particulars of Amendment:

Original Particulars	Amendment Particulars

Reason of application for amendment: .....  
.....  
.....

I hereby declare that the information given by me in this form is true.

Date: .....

*Signature of Applicant**\* Please enclose a copy of the original Certificate of Conversion to the religion of Islam*

Made 27 May 2009

[MAIS/PM/BUU/01-2/012/1; PU. Sel. Am 198/08/TS]

DATO' SETIA HAJI MOHAMMAD ADZIB BIN MOHD ISA  
*Chairman*  
*Majlis Agama Islam Selangor*

Hakcipta Pencetakan **PERCETAKAN NASIONAL MALAYSIA BERHAD**

Semua Hak Terpelihara. Tiada mana-mana bahagian jua daripada penerbitan ini boleh diterbitkan semula atau disimpan di dalam bentuk yang boleh diperolehi semula atau disarkan dalam sebarang bentuk dengan apa jua cara elektronik, mekanikal, fotokopi, rakaman dan/ atau sebaliknya tanpa mendapat izin daripada **Percetakan Nasional Malaysia Berhad (Pencetak kepada Kerajaan Malaysia yang dilantik)**.